

Bab 5

Perbezaan antara *The Star Online* dengan *The Star*

Seperti yang telah dibincangkan, laman web menggunakan konsep WYSIWYG iaitu *What You See Is What You Get*. Ini bermaksud apa yang dikodkan dalam komputer pereka ialah sama seperti apa yang akan dilihat oleh pembaca. Ini secara tidak langsung akan memudahkan atau menyingkatkan proses percetakan yang lain.

Keadaan ini berbeza untuk penerbitan akhbar cetak. Apabila disket yang digunakan untuk menyimpan kesemua kerja perekaan keluar dari meja komputer, terdapat satu perjalanan yang jauh selepas itu, iaitu proses penerbitan yang seterusnya dan ini sudah tentu akan mengambil masa yang lama.

Dalam bab ini, kita akan melihat dengan lebih dekat perbezaan yang terdapat antara akhbar *The Star* dalam talian dan akhbar cetak *The Star*. Aspek-aspek yang akan dibincangkan ialah dari segi kandungan, jumlah halaman, perekaan, perisian yang digunakan dan sebagainya.

Sebelum melihat kepada perbezaan yang terdapat antara kedua-dua jenis medium akhbar ini, perbezaan ciri-ciri fizikal akan dibincangkan dahulu. Perbezaan yang paling ketara ialah medium yang digunakan. Akhbar *The Star Online* merupakan akhbar dalam talian pertama di Malaysia dan pengguna dapat membacanya dengan menyambungkan komputer dengan Internet atau Laman Web Antarabangsa. Akhbar harian *The Star* pula ialah akhbar cetak yang paling laris dijual di negara kita sehingga mencapai tahap lebih 200,000 ribu pembaca di seluruh negara.

Dari segi saiz pula, akhbar dalam talian *The Star Online* susah untuk ditentukan. Lebarnya sama saiznya dengan semua halaman, namun panjang sesuatu halaman sukar untuk ditentukan. Ini adalah kerana kepanjangan sesuatu halaman bergantung kepada jumlah baris dalam sesebuah berita. Berbeza dengan elemen ini, akhbar harian *The Star*

pula berbentuk akhbar *tabloid* dan mempunyai saiz yang sama. Saiz satu halaman akhbar harian *The Star* ialah 11.3' X 15.5'.

Kandungan kedua-dua jenis medium ini mempunyai sedikit kelainan. Akhbar cetak *The Star* terhad kepada berita-berita bercetak dan dari segi perkhidmatan, akhbar cetak tidak dapat memberikannya. Dalam aspek ini, akhbar dalam talian *The Star Online* memberikan pelbagai perkhidmatan kepada para pembaca. Antara perkhidmatan yang diberikan secara percuma ialah:

- Kemudahan mel elektronik
- Forum
- Kelab-kelab
- Berita saham
- Dan lain-lain lagi

5.1 Kandungan

Akbar cetak *The Star*

Akhbar *The Star* merupakan sebuah akhbar *tabloid*. Berita-berita dalam akhbar ini dibahagikan kepada beberapa bahagian dan antaranya ialah :

1. Bahagian Akhbar Utama

- Masyarakat
- Surat dan Pendapat pembaca
- Asia
- Dunia
- Perlumbaan
- Sukan

Bahagian utama akhbar *The Star* mengandungi lebih kurang 40 halaman.

2. Bahagian Perniagaan / Business

- Berita
- Tenaga Pekerja
- Berita Luar Negara
- Pasaran Saham
- Komoditi
- Kewangan

Bahagian ini merangkumi lebih kurang 24 halaman.

3. Bahagian Section 2

- Wanita
- Isu-isu
- Pandangan
- Fesyen
- Gaya Hidup
- Trends
- Ibu Bapa
- Hiburan
- Komik
- Senarai program TV

4. Jawatan Kosong

Jumlah halaman bergantung kepada pengiklan

5. Metro

- Berita
- Masyarakat
- Kejadian-kejadian
- *Bylines*
- Pandangan Lembah Kelang
- Makan di luar

- Sukan
- Diari

Jika dikaji dari segi kandungan, akhbar dalam talian *The Star* mempunyai lebih banyak maklumat serta perkhidmatan yang ditawarkan kepada pembacanya. Kos percetakan akhbar dalam talian ini ditanggung dengan adanya perkhidmatan periklanan yang ditawarkan. Seperti juga media lain, akhbar dalam talian *The Star Online* bergantung kepada para pengiklan.

Dalam bahagian *Site Map* kita dapat melihat semua bahagian yang terdapat dalam akhbar dalam talian *The Star* ini dengan jelas. Di bawah ialah bahagian-bahagian utama yang terdapat dalam akhbar ini:

News	Business	MyStar
<ul style="list-style-type: none"> • Courts • Parliament • Asia • World • Sports • Education • AP-Wire 	<ul style="list-style-type: none"> • Business News • Market Watch • Key Bourses • Business Done • Exchange Rates • Unit Trust • Market Cap • Bank Rates 	<ul style="list-style-type: none"> • Archives • Chat • Clubs • Contests • Forum • Games • WebMail
Entertainment		Destinations
<ul style="list-style-type: none"> • Movies • Music • Video • News & Features • Kee's World 		<ul style="list-style-type: none"> • @Metro KL • @Penang
Services	Technology	Extras
<ul style="list-style-type: none"> • Directory • Cl@ssifieds • e-Cards • Jobs • Motoring • Property 	<ul style="list-style-type: none"> • Tech News • Home User • Corporate IT • Features • PC Gaming 	<ul style="list-style-type: none"> • Lifestyle • Weather • AudioFail • Clove • Maritime • CyberKuali • NIE
	Special	Miscellaneous
	<ul style="list-style-type: none"> • Comics • The Star Mobile • Horoscope • Earthweek • Exclusives 	<ul style="list-style-type: none"> • About the site • About The Star

Sumber : www.thestar.com.my/info/sitemap.asp

Rajah di atas dengan jelas menunjukkan jumlah kandungan yang terdapat dalam akhbar talian *The Star Online*.

5.2 Kemudahan mel elektronik

Dalam laman web *The Star Online*, kemudahan mel elektronik disediakan untuk para pembaca. Dengan memberikan kemudahan mel elektronik (Lampiran III) ini, *The Star Online* menjadi salah satu daripada pemberi mel elektronik percuma di negara kita. Secara tidak langsung, syarikat *The Star* akan mendapat butir-butir pembaca serta pengguna akhbar ini daripada borang elektronik yang diisi oleh pembaca untuk mendapatkan *Login* dan kata laluan.

Kemudahan ini akan menguntungkan pihak *The Star Publication* kerana, jika mereka dapat menarik lebih banyak pembaca pada laman web mereka dan berjaya mendapat jumlah ahli yang lebih ramai, maka maklumat ini kemudian dapat digunakan untuk menarik lebih banyak pengiklan yang ingin menggunakan kemudahan periklanan melalui laman web. Sebagai contoh kita boleh lihat sebuah syarikat laman web milik www.hotmail.com yang kini menjadi sebuah laman web mel elektronik yang mempunyai jumlah pengguna yang tertinggi iaitu sebanyak 150 juta pengguna (rediff.com,2001), menjual maklumat ahlinya untuk tujuan periklanan. Ini dengan jelas dapat dilihat kerana dalam mel elektronik ahli hotmail.com, bukan sahaja mel daripada orang yang dikenali malah juga daripada syarikat-syarikat pengeluar produk dan perkhidmatan. Dalam borang keahlian *The Star Online*, informasi yang didapati ialah seperti nama, alamat, tempat kelahiran, tarikh lahir dan sebagainya.

5.3 Perbualan elektronik

Dengan menggunakan *login* serta kata laluan yang telah didaftar, ahli *MyStar* dapat berbual dengan menggunakan kemudahan perbualan elektronik (Lampiran IV) yang diberikan. Dalam bahagian ini perbualan dengan rakan-rakan *MyStar* yang lain dapat dilakukan dalam bilik-bilik perbualan yang disediakan. Antara bilik perbualan elektronik dalam laman web ini ialah *in the news*, *mars and venus*, *market talk* dan sebagainya.

5.4 Kelab

Selain daripada kemudahan-kemudahan mel elektronik dan perbualan elektronik, akbar dalam talian *The Star* juga mempunyai bahagian kelab (Lampiran V) yang dapat disertai oleh ahli *MyStar*. Seseorang individu yang telah berdaftar sebagai ahli *MyStar* dapat membina kelab mereka sendiri atau menyertai kelab-kelab yang sedia ada dalam laman web ini.

5.5 Forum

Satu lagi kemudahan yang disediakan oleh *The Star Online* ialah forum (Lampiran VI). Dalam bahagian ini perbincangan-perbincangan diadakan. Dengan ini seluruh rakyat serta dunia dapat berhubung dan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi atau perbincangan secara terbuka isu-isu yang ingin dibincangkan. Antara topik perbualan yang boleh dilihat dalam laman web ini ialah

- *too many vacancies?*
- *speakers for playstation*
- Bandar Botanic
- *Malaysian Football* dan sebagainya

5.6 Permainan dalam talian

Laman web ini juga mempunyai permainan interaktif. Terdapat 14 permainan interaktif dalam laman web *The Star Online*. Jenis-jenis permainan yang diberikan ialah Alley Cat, Astro Blobs, Checkout Line dan sebagainya.

Selain daripada kemudahan-kemudahan seperti ini, pihak *The Star Online* juga bercadang meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan kepada para ahli kelab *MyStar*. Pada masa akan datang beberapa perkhidmatan baru yang akan disediakan ialah Album Media, *My News*, *My Stock* dan sebagainya.

5.7 Perisian yang digunakan

Dalam perekaan kedua-dua jenis medium ini, terdapat perbezaan dalam perisian yang akan digunakan untuk menghasilkan produk akhir mereka. Dalam penerbitan akhbar cetak perisian yang biasa digunakan untuk perekaan ialah QuarkXPress atau PageMaker iaitu perisian yang digunakan untuk menghasilkan rekale tak halaman. Program *pixel* seperti Adobe Photoshop atau Painter dan sebuah perisian untuk menghasilkan rekabentuk *vektor* seperti Adobe Illustrator dan Macromedia Freehand.

Dalam menghasilkan laman web *The Star Online* perisian yang digunakan berbeza dan pengetahuan dalam bidang perisian *programming language* adalah penting. Misalnya, dalam laman web *The Star* terdapat beberapa jenis *Programming language* yang digunakan.

Contohnya ialah HTML atau *Hyper Text Mark-up Language*.— HTML kod *The Star Online*)

```
<body bgcolor="#FFFFFF" marginwidth=0 marginheight=0>
<table border=0 width=100% cellpadding=5 cellspacing=0>
<tr>
  <td width="30%"><A href="http://thestar.com.my/"></a><p></td>
  <td width="75%" align=center>
```

Selain daripada HTML, *Scripting language Java* juga digunakan. Ia merupakan perisian penghasilan laman web yang lebih efektif dan perekaan yang lebih menarik dapat dihasilkan.

Contoh penggunaan *Java Script* dalam Laman Web *The Star*)

```
<script LANGUAGE="JavaScript">

    if (top.location != location) top.location.href = location.href;

    function inCell(cell, newcolor) {
        if (!cell.contains(event.fromElement)) {
            cell.bgColor = newcolor;
        }
    }

    function outCell(cell, newcolor) {
        if (!cell.contains(event.toElement)) {
            cell.bgColor = newcolor;
        }
    }

</script>
```

Dalam menghasilkan imej serta gambar yang dipaparkan, perisian seperti yang digunakan untuk penerbitan akhbar cetak digunakan. Perisian-perisian yang digunakan adalah seperti Adobe Photoshop dan Illustrator. Rekaletak dihasilkan dengan menggunakan bahasa *HTML* sendiri dengan menghasilkan jadual.

5.8 Dimensi

Akhbar percetakan *The Star* berbentuk dua dimensi dan perhatian lebih diberikan kepada elemen rekaletak. Ini bermaksud kedua-dua belah halaman kertas digunakan untuk percetakan. Pembaca dapat membuka kertas dan dapat melihat kandungan di bahagian belakang akhbar itu sendiri.

Akhbar dalam talian *The Star* pula berbentuk satu dimensi atau dimensi-N. Ini adalah kerana laman web menggunakan prinsip penatalan. Pembaca akan terus membaca satu halaman dalam satu halaman dan bergerak ke bawah untuk melihat bahagian seterusnya. Dengan ini, saiz atau panjang sesuatu halaman dalam laman web *The Star* tidak tetap. Ia bergantung pada jumlah berita atau informasi yang terdapat dalam sesuatu halaman itu.

5.9 Aspek Keseimbangan

Dalam akhbar cetak *The Star* konsep keseimbangan yang digunakan berbeza dari satu halaman ke halaman yang lain. Ini adalah kerana jenis berita serta cara penyusunan berita tidak dapat menggunakan satu kaedah yang sama. Satu contoh yang jelas ialah terdapat banyak iklan dan iklan ini mengambil satu halaman penuh. Ada pula iklan yang lebih kecil. Namun, walaupun terdapat perbezaan seperti ini, penyusunan kesemua elemen adalah sama. Rajah di bawah menunjukkan cara penyusunan elemen-elemen dalam akhbar cetak *The Star*.

Dalam *The Star Online*, konsep keseimbangan sukar untuk dijustifikasikan. Ini adalah kerana elemen-elemen pereaakan laman web ini disusun mengikut gaya tertentu. Dan gaya ini adalah sama untuk kebanyakan laman web akhbar dalam talian. Rajah di bawah menunjukkan rekaletak laman web *The Star Online*.

5.10 Aspek Navigasi

Aspek dimensi-N yang digunakan dalam sesebuah laman web bergerak mengikut unsur *hypertext*. Suatu elemen yang paling penting dalam laman web ialah kebolehan bergerak dari satu halaman ke halaman yang lain dengan cara yang mudah. Seperti dalam akhbar dalam talian *The Star Online*, terdapat *hyperlink* atau teks-teks yang menyambung ke halaman lain. Contohnya:

Services: [Classifieds](#) · [Directory](#) · [e-Cards](#) · [Motoring](#) · [Property](#)

Teks yang mempunyai garisan merupakan sambungan atau cara untuk menyambung pembaca ke halaman lain.

Dalam akhbar cetak pula, pembaca akan memusing halaman untuk ke muka lain. Ini merupakan satu cara yang paling mudah dan kadang-kala tidak dianggap sebagai elemen pereaakan. Dalam pereaakan laman web, *hypertext* merupakan elemen pereaakan yang sangat penting. Keputusan-keputusan penting yang diambil kira dalam menghasilkan laman web dalam aspek ini ialah:

1. Gaya persembahan kerja
2. Cara menjelaskan kepada pembaca yang mana satu ialah sambungan dan arah tujuannya.
3. Struktur senibina informasi

5.11 Masa tindakbalas, peleraian dan saiz kanvas

Akhbar cetak *The Star* mempunyai kelebihannya. Ini adalah kerana selepas membeli akhbar, pembaca terus dapat membaca tanpa menunggu. Akhbar dalam talian *The Star Online*, elemen-elemen ini adalah sangat penting kerana ia menentukan jumlah masa yang akan diambil oleh seseorang pembaca sebelum dapat membaca sesuatu berita. Dalam hal ini, beberapa aspek teknologi komunikasi dapat kita bincangkan seperti *bandwidth* iaitu kelajuan talian Internet yang digunakan. Di Malaysia kini, terdapat beberapa jenis talian komunikasi yang digunakan untuk tujuan penggunaan Internet. Pada kebiasaannya di kawasan perumahan, seseorang individu yang ingin menggunakan Internet akan menggunakan teknologi *dial-up* iaitu menyambungkan kepada ISP contohnya dengan memanggil talian 1515 untuk TmNet atau 1511 untuk Jaring.

Dalam syarikat-syarikat besar pula, jenis komunikasi yang digunakan adalah lebih laju berbanding *dial-up*. Contohnya ISDN atau *Leased Line*. Kedua-dua jenis talian ini adalah lebih laju dan secara tidak langsung sesebuah laman web akan mengambil masa yang lebih singkat untuk di pindah turun.

Masa yang diambil untuk melihat keseluruhan halaman akhbar *The Star* dalam talian mengambil masa yang singkat. Ini kerana dalam akhbar ini jumlah gambar atau imej yang digunakan adalah kurang dan walaupun terdapat gambar, saiznya adalah kecil dan ini membantu mempercepatkan masa pindah turun.

5.12 Multimedia dan Interaktiviti

Dalam aspek ini, media penerbitan elektronik lebih interaktif berbanding media cetak. Dalam *The Star Online* misalnya, terdapat imej-imej yang bergerak dan lebih-lebih lagi terdapat bahagian forum yang digunakan oleh pembaca untuk berbual secara interaktif.

Perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini menjadikan akhbar *The Star Online* lebih interaktif. Akhbar cetak *The Star* tidak dapat bersaing dengan akhbar dalam talian dalam aspek ini.

5.13 Penggunaan warna

Dalam akhbar cetak, penggunaan warna terhad kerana kos percetakan akan meningkat. Namun pada muka hadapan setiap bahagian akhbar *The Star* digunakan warna pada imej atau gambar yang dicetak. Selain daripada itu, warna juga digunakan untuk bahagian-bahagian yang difikirkan akan memberikan kesan kepada berita yang dipaparkan. Contohnya, pada bahagian Makan Di Luar, gambar makanan dicetak dengan menggunakan percetakan berwarna. Selain daripada bahagian ini, bahagian fesyen juga dicetak dengan menggunakan percetakan berwarna kerana ia menunjukkan gaya suatu kecantikan pakaian yang diperagakan. Penggunaan warna dalam akhbar *The Star* juga terdapat dalam bahagian iklan. Namun kos untuk menghasilkan iklan bergambar ditanggung oleh para pengiklan. Contoh iklan berwarna:



Seperti yang dapat kita lihat, hanya beberapa bahagian sahaja yang mengandungi imej berwarna. Dalam *The Star Online* penggunaan warna adalah lebih efektif. Ini adalah kerana kos yang kurang berbanding penerbitan cetak. Dalam bahagian utama akhbar ini, terdapat imej-imej berwarna yang dapat menarik perhatian pembaca. Kesemua berita yang terdapat dalam akhbar dalam talian ini adalah dalam bentuk berwarna. Dalam penerbitan elektronik tiada had dalam penggunaan warna. Namun, satu perkara yang harus diambil perhatian ialah penggunaan imej yang terlalu banyak akan mengurangkan masa pindah turun sesuatu laman web. Ini akan menghadkan penggunaan warna dalam laman web.

5.14 Pemikiran Pereka

Mengikut prinsip pemikiran ini, pereka memberi keutamaan kepada lukisan. Pereka bahan cetakan melihat sesebuah laman web sebagai suatu lukisan yang cantik serta kreatif. Selain daripada itu, tumpuan juga diberikan pada kesan animasi, bunyian, *plug-in* seperti *flash*, *shockwave* yang digunakan. Konsep yang sering digunakan ialah WYSIWYG iaitu *What You See Is What You Get*. Oleh sebab itu, perhatian kurang diberikan kepada perkakasan dan perisian serta keupayaan pembaca dalam talian.

Pereka memberi keutamaan pada kandungan laman web. Unsur perekaan grafik turut diberikan perhatian, namun ia tidak menyebabkan kandungannya tersingkir daripada pemikiran pereka. Sebuah laman web yang baik ialah yang berjaya memberikan informasi serta menyampaikan mesej yang tepat kepada pembaca. Teknologi komputer kini dapat menghasilkan pelbagai kesan visual yang menarik, namun seseorang pereka laman web harus mengambilkira objektif utama perekaan iaitu untuk menyampaikan maklumat dan pembaca tidak terkeliru dengan elemen-elemen lain seperti animasi dan imej grafik yang berlebihan. Dengan ini, jelas bahawa seseorang pereka laman web yang baik tidak harus melupakan kehendak pengguna.

Ini dengan jelas menunjukkan bahawa perekaan media cetak berbeza daripada perekaan media dalam talian kerana konsep serta fokus dan elemen-elemen teknologi yang harus diambil kira. Penggunaan imej grafik yang berlebihan sudah tentu akan mengambil masa untuk pindah turun, terutamanya di negara kita kerana pengguna masih menggunakan talian telefon atau *dial-up networking* untuk menggunakan Internet.

Perekaan laman web bukan sekadar lukisan, malah laman web lebih kepada sesebuah sumber media yang harus memberikan informasi dan tujuan untuk membuat duit. Jika tumpuan penuh diberikan kepada perekaan kandungan dan informasi yang ingin diberikan, maka laman web yang direka berjaya mendapat perhatian pengguna. Dalam akhbar *The Star Online*, tumpuan diberikan kepada berita yang ingin disampaikan kepada pembaca. Rekaletak yang mudah dan senang difahami memberi banyak kelebihan. Berita-beritanya disusun dengan teratur dan mudah untuk pengguna menggunakan laman

web ini. Selain daripada itu, satu lagi kelebihan yang penting ialah masa untuk laman web *The Star Online* dapat diperhatikan oleh pengguna ialah cepat. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa akhbar *The Star Online* berjaya sebagai sebuah laman web akhbar yang utama di negara kita.

Dengan melihat kepada perbezaan-perbezaan ini, kita dapat simpul, bahawa proses penerbitan kedua-dua jenis media komunikasi adalah berbeza. Kedua-duanya memerlukan tahap kreativiti serta penggunaan prinsip perekaan yang terperinci dalam menghasilkan produk akhir yang baik dan di minati oleh para pembaca.